

Almarhum Pak Lomak

Dunia persuratan dan kebudayaan Melayu telah kehilangan seorang tokohnya yang terbilang dengan meninggalnya Mejar Haji Musa bin Yusof yang lebih terkenal dengan gelaran Pak Lomak.

Almarhum telah kembali ke rahmatullah Ta'ālā pada malam Rabu, 5 Muharram 1380, (29 Jun 1960) dalam usia 70 tahun dan telah selamat dikebumikan di Johor Bahru.

Dalam lapangan persuratan, almarhum banyak menulis dengan nama samaran dan buah penanya sentiasa menghiasi akhbar-akhbar dan majalah-majalah Melayu. Beliau seorang ahli bahasa dan seorang tokoh yang utama dalam P.B.M.P.B. Diraja (Pakatan Bahasa Melayu Persuratan Buku-buku Diraja) Johor.

Mudah-mudahan Allah cucuri rahmat dan dihimpunkan rohnyanya di dalam himpunan *ahl al-Jannah* – Āmīn.

tangani oleh wakil-wakil dari Brunei, Persatuan Islam

Filipina, Persatuan Islam Internasional Jepun dan

Persatuan Islam Cina dari Republik China.

22 Jun, 1960

Memorandum

Kami, utusan-utusan dari Turki, Iran,

Pakistan dan Tanah Melayu dan pemerhati-pemerhati dari

Saudi Arabia, Libya, Morocco dan Cameron,

sambil mengambil kesempatan menghadiri mesyuarat

utusan-utusan kaum Muslimin yang keenam di Taipei, telah merasa

berbesar hati dan beruntung telah dapat berkata-kata dengan

Haji Sheh Tze Chu, ketua Muslimin Cina di Grand

Hotel di Taipei, pada tengahari, 22 Jun, 1960, dan

telah saling bertukar pandangan berkenaan dengan soal dunia

Islam yang didasarkan atas memorandum yang telah ditandatangani

oleh utusan-utusan kaum Muslimin dari empat negara,

termasuk di dalamnya Brunei, Filipina, Jepun dan

Republik China, setelah mengikuti upacara pembukaan

masjid di Taipei yang dilangsungkan pada 13 April 1960.

Kami semua mengakui dan bersetuju, bahawa

kesembilan buah punca-punca yang disebutkan dalam memorandum

itu adalah sangat penting bagi keamanan orang-orang Islam

di Asia Tenggara dan juga mereka yang lain-lain di dunia

ini dan bagi penjelmaan semangat Islam.

Untuk mempercepat pembentukan sebuah badan yang

tetap, maka kami dengan ini menyatakan persetujuan atas

memorandum tersebut dan menurunkan tandatangan di bawah

ini, dan sebagai saudara-saudara Muslimin kami menyatakan

dengan hati yang tulus ikhlas dan penuh kegembiraan

akan memberikan sokongan kami yang penuh terhadap hal

itu.

Tandatangan:

Wakil Iran

Wakil Morocco

Wakil Turki

Wakil Pakistan

Wakil Persekutuan Tanah Melayu

Wakil Saudi Arabia

Wakil Cameron

Wakil Libya